



---

# PANDUAN PENGGUNA

---

UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN  
PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA  
(MAMPU)  
JABATAN PERDANA MENTERI



## ISI KANDUNGAN

<b>PENGENALAN.....</b>	<b>3</b>
<b>PORTAL 1MTC.....</b>	<b>4</b>
1    LAMAN UTAMA .....	4
1.0 Mengenai Laman Utama .....	4
<b>PORTAL PENGGUNA .....</b>	<b>9</b>
1    DAFTAR ID PENGGUNA.....	9
1.0 Mendaftar ID .....	9
2    LOGIN .....	13
2.0 Login Portal.....	13
3    PROFIL ANDA .....	14
3.0 Kemaskini Maklumat Peribadi Pengguna .....	14
4    MUAT NAIK GAMBAR .....	15
4.0 Muat Naik Gambar .....	15
5    KATA LALUAN .....	16
5.0 Tukar Kata Laluan .....	16
6    LUPA KATA LALUAN .....	17
6.0 Mendapatkan Semula Kata Laluan.....	17
7    PENCAPAIAN AKADEMIK .....	18
7.0 Tambah Atau Kemaskini Pencapaian Akademik.....	18
<b>FASILITI .....</b>	<b>20</b>
1    FASILITI .....	20
1.0 Tempah Fasiliti.....	20
2    MAKLUMAT SEDIA ADA.....	26
2.0 Melihat Maklumat Tempahan.....	26
3    BATAL PERMOHONAN .....	37
3.0 Membatalkan Permohonan Sedia Ada .....	37
<b>KURSUS .....</b>	<b>40</b>
1    KURSUS .....	40
1.0 Mengenai Kursus .....	40
2    MOHON KURSUS (INDIVIDU) .....	40
2.0 Permohonan Kursus Secara Individu.....	40
3    SAH KEHADIRAN.....	50
3.0 Pengesahan Kehadiran (Individu) .....	50
4    MOHON KURSUS (BERKUMPULAN).....	52
4.0 Permohonan Kursus Secara Berkumpulan.....	52
5    SENARAI KURSUS YANG DIPOHON .....	55
5.0 Melihat Senarai Kursus Yang Pernah Dipohon .....	55
6    SAH KEHADIRAN.....	65
6.0 Pengesahan Kehadiran (Berkumpulan) .....	65
<b>LAMPIRAN.....</b>	<b>67</b>

## PENGENALAN

### PUSAT LATIHAN 1MALAYSIA 1MTC

Pusat Latihan 1Malaysia atau 1Malaysia Training Centre (1MTC) adalah inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau National Blue Ocean Strategy (NBOS). Projek 1MTC membolehkan penggunaan fasiliti sedia ada di Institut Latihan Awam dikongsi secara menyeluruh dan penggunaannya dapat dioptimakan oleh pelbagai pihak. Dalam masa yang sama, projek ini juga menawarkan kemudahan carian dan permohonan kursus yang ditawarkan oleh Institut Latihan Awam. Projek ini dilaksanakan untuk memenuhi kehendak rakyat yang menginginkan perkhidmatan yang pantas dan meluas. Tidak lagi terhad kepada penjawat awam, 1MTC kini dibuka kepada orang ramai untuk menikmati fasiliti yang ditawarkan oleh Institut Latihan Awam.

Inisiatif ini diterajui oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Unit Perancang Ekonomi bersama rakan-rakan strategik iaitu Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan dan One Malaysia For Youth (IM4U). Pelaksanaan Projek 1MTC adalah contoh terbaik kolaborasi strategik agensi-agensi Perkhidmatan Awam pelbagai Kementerian dan jabatan untuk merealisasikan projek ini. Ianya bukanlah terbina hasil usaha sebuah agensi sahaja, malah ia merupakan hasil kerjasama pelbagai agensi Perkhidmatan Awam yang berganding bahu dalam semangat yang sama iaitu mengangkat kepentingan rakyat sebagai keutamaan pentadbiran Kerajaan. Majlis soft launch fasa pertama Projek 1MTC telah diadakan di Institut Penilaian Negara (INSPEN) pada 17 Disember 2012.

### KEMUDAHAN ONLINE YANG DISEDIAKAN

Pelaksanaan Sistem 1MTC Online adalah dilaksanakan secara berfasa. Justeru, kemudahan online yang ditawarkan juga adalah secara berfasa. Mulai 17 Disember 2012, Kemudahan online yang ditawarkan adalah:

- Carian/Tempah Fasiliti
- Carian/Mohon Kursus
- Pembayaran Online

Kemudahan online akan diperluaskan secara berperingkat-peringkat. Perkara ini akan dimaklumkan menerusi media massa dan web 1MTC dari semasa ke semasa.

## PORTAL 1MTC

### 1 LAMAN UTAMA

#### 1.0 Mengenai Laman Utama

Pusat Latihan 1Malaysia atau 1Malaysia Training Centre (1MTC) adalah inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau National Blue Ocean Strategy (NBOS). Projek 1MTC membolehkan penggunaan fasiliti sedia ada di Institut Latihan Awam dikongsi secara menyeluruh dan penggunaannya dapat dioptimakan oleh pelbagai pihak. Dalam masa yang sama, projek ini juga menawarkan kemudahan carian dan permohonan kursus yang ditawarkan oleh Institut Latihan Awam. Projek ini dilaksanakan untuk memenuhi kehendak rakyat yang menginginkan perkhidmatan yang pantas dan meluas. Tidak lagi terhad kepada penjawat awam, 1MTC kini dibuka kepada orang ramai untuk menikmati fasiliti yang ditawarkan oleh Institut Latihan Awam.

Portal 1MTC pula adalah merupakan gerbang (gateway) elektronik yang memberi maklumat kursus dan fasiliti yang ditawarkan oleh Institut-institut Latihan Awam. Portal ini akan memudahkan penjawat awam, sektor swasta, badan berkanun, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang awam untuk mendapatkan maklumat dan membuat tempahan fasiliti dan kursus yang ditawarkan oleh Institut Latihan Awam. Portal ini juga menyediakan kemudahan pembayaran secara atas talian.

Laman Utama 1MTC adalah sebagai informasi dan pengenalan ringkas kepada projek 1MTC dan Portal 1MTC. Pengguna boleh melakukan pelbagai perkara di dalam laman sesawang ini. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang Portal 1MTC, pengguna boleh merujuk kepada menu-menu yang disediakan. Antara menu-menu yang terdapat di dalam laman utama adalah:

1. Mengetahui lebih lanjut tentang Projek 1MTC di bawah menu Mengenai 1MTC. Ia merupakan rumusan keseluruhan serta memberi idea kepada pengguna mengenai persoalan apakah itu 1MTC. Pengguna juga boleh merujuk senarai Institut-Institut Latihan Awam (ILA) yang terlibat menawarkan kursus dan fasiliti masing-masing. Galeri multimedia merupakan koleksi gambar, keratan akhbar dan lain-lain sumber media yang berkait secara langsung dan secara tidak langsung dengan projek 1MTC.
2. Pengguna boleh ke menu Perkhidmatan untuk membuat tempahan fasiliti dan permohonan kursus dan dalam pada masa yang sama, pengguna boleh membuat carian terhadap Institut Latihan Awam (ILA) yang telah berdaftar dengan 1MTC.
3. Menu Pautan dapat memudahkan pengguna membuat akses secara terus ke portal-portal kerajaan yang disenaraikan. Setiap portal akan membawa pengguna terus ke laman sesawang rasmi kerajaan Malaysia. Antara portal yang boleh diakses adalah:
  - i) Portal MyGov
  - ii) Portal MAMPU
  - iii) Laman Web Rasmi Pejabat KSN
  - iv) Portal JPA
4. Sekiranya pengguna memerlukan bantuan, pengguna boleh ke menu Bantuan. Pada tab ini, pengguna boleh mendapatkan panduan bagi menggunakan perkhidmatan RSS dengan betul. Laman Portal 1MTC dibangunkan menggunakan perisian pembangunan yang berdasarkan Java. Pengguna boleh merujuk pada menu panduan instalasi Java bagi penggunaan sistem secara optimum.

Semua maklumat terkini mengenai 1MTC boleh didapati di halaman ini dengan merujuk kepada segmen Berita. Sebarang pertanyaan, komen, cadangan dan penghargaan pula boleh diajukan terus kepada pihak 1MTC dengan merujuk kepada keterangan yang terdapat di ruangan Hubungi Kami.

- Bagi ruangan yang disebutkan di atas, klik butang **Lagi »** untuk memaparkan artikel secara penuh. Lihat Rajah 1.1.

**Rajah 1.1**

- Maklumat Pendaftaran Institut Latihan Awam (ILA) pula memaparkan bilangan semasa ILA yang berdaftar dengan projek 1MTC. Lihat Rajah 1.2.

**Rajah 1.2**

- Portal 1MTC diwujudkan untuk memudahkan pengguna yang ingin membuat permohonan kursus dan tempahan fasiliti yang ditawarkan oleh pihak ILA.
- Bagi pengguna yang belum berdaftar dengan Portal 1mtc anda dikehendaki mendaftar ID terlebih dahulu supaya membolehkan anda membuat semua urusan yang disediakan dalam Portal 1MTC.
- Untuk membuat tempahan fasiliti dan kursus, klik butang **Tempah Sekarang** untuk meneruskan sesi ke portal 1MTC. Lihat Rajah 1.3.



The screenshot shows the homepage of the 1MTC website. At the top right is the MAMPU logo. Below it is a search bar with the placeholder 'Kata Kunci'. To the right of the search bar are buttons for 'Carian' (Search) and 'Log Masuk' (Log In). The main content area features the 1MTC logo and text about providing conveniences like course lists and facility maps. A sidebar on the right contains a 'Berita' section with a news item about 1MTC's 10th anniversary.

Rajah 1.3

- Jika ingin melaksanakan carian bagi kursus dan fasiliti yang ditawarkan, klik butang **Carian** di bahagian kanan atas laman utama untuk meneruskan sesi ke portal 1MTC. Lihat Rajah 1.4.

The screenshot shows the homepage of the 1MTC website. At the top right is the MAMPU logo. Below it is a search bar with the placeholder 'Kata Kunci'. To the right of the search bar are buttons for 'Carian' (Search) and 'Log Masuk' (Log In). The main content area features the 1MTC logo and text about providing conveniences like course lists and facility maps. A sidebar on the right contains a 'Berita' section with a news item about 1MTC's 10th anniversary.

Rajah 1.4

- Bagi pengguna yang telah berdaftar dengan 1MTC, klik butang **Log Masuk** untuk meneruskan sesi sebagai pengguna berdaftar 1MTC. Pendaftaran kali pertama juga boleh dibuat di sini. Lihat Rajah 1.5.



The screenshot shows the homepage of the 1MTC website. At the top right is the MAMPU logo. Below it is a search bar labeled "Kata Kunci". To the right of the search bar are links for "Berita", "Lap+", and "Hubungi Kami". The main content area features the 1MTC logo and text about providing services like course lists, venue facilities, and course information. There are also links for "Senarai Institusi Latihan Awam", "Tempahan Fasiliti", and "Maklumat Kursus". The footer contains links for "Peneraju Projek" (MAMPU, EPU), "Rakan Strategik" (MOF, JPSA, KPM, KPT, KSM, KJSS, KBS), and "Hubungi Kami" contact details.

### Rajah 1.5

- Kata Kunci berfungsi untuk memudahkan pengguna membuat carian yang lebih spesifik dan akses terus ke halaman yang dikehendaki.
- Pengguna hanya perlu memasukkan kombinasi satu atau lebih perkataan yang dikehendaki, dan klik butang atau tekan "Enter" untuk meneruskan carian. Lihat Rajah 1.6.

This screenshot is identical to the one above, showing the 1MTC homepage. The search bar "Kata Kunci" is highlighted in red. Below the search bar, there is a list of search results or links related to the search query. The rest of the page content, including the banner, service links, and footer, remains the same.

### Rajah 1.6

- Pada pautan maklum balas di laman utama, pengguna boleh memberikan sebarang maklum balas sama ada berbentuk cadangan, pertanyaan, komen atau perhargaan kepada pihak 1MTC.
- Sebarang maklum balas adalah penting bagi kami di 1MTC bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan mengoptimumkan kualiti servis di masa hadapan. Rujuk langkah-langkah di bawah untuk panduan.

**Langkah 1:** Klik **>> Maklum Balas** dan masukkan maklumat yang diperlukan.

**Langkah 2:** Pilih kategori maklum balas yang bersesuaian.



Langkah 3: Masukkan kod keselamatan yang tertera.

Langkah 4: Tekan **✓ Hantar** untuk menghantar maklumat maklum balas. Lihat Rajah 1.7

Rajah 1.7

- Untuk Soalan Lazim, ruangan ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu Umum, Fasiliti, Kursus.
- Soalan Lazim disediakan bagi menjawab segala pertanyaan asas mengenai 1MTC.
- Untuk pertanyaan yang tiada dalam senarai, pengguna boleh terus menghubungi pihak 1MTC dengan merujuk kepada ruangan Hubungi Kami. Lihat Rajah 1.8 untuk keratan sebahagian paparan Soalan Lazim.

Rajah 1.8



## PORTAL PENGGUNA

### 1 DAFTAR ID PENGGUNA

#### 1.0 Mendaftar ID

Bagi pengguna yang belum berdaftar dengan Portal 1MTC, anda dikehendaki mendaftar ID terlebih dahulu supaya membolehkan anda membuat semua urusan yang disediakan dalam Portal 1MTC.


Anda hendaklah memastikan alamat “E-mel” dan “Nombor Telefon” yang didaftarkan adalah sah bagi membolehkan sistem 1MTC Online, ILA atau Moderator sistem dapat berhubung dengan anda apabila diperlukan.

Pendaftaran untuk menjadi pengguna terbuka kepada:

- Agensi Kerajaan
- Badan Berkanun
- NGO
- Swasta
- Persendirian
- Warganegara Asing

Selepas membuat pendaftaran, pengguna boleh log masuk ke dalam portal 1MTC untuk membuat carian, menempah fasiliti atau memohon kursus, menjana invoice dan sebutharga, membuat pembayaran dan juga mencetak resit. Rujuk Rajah 1.1 untuk melihat carta aliran semua aktiviti dan proses di Portal 1MTC.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai setiap aliran proses dan aktiviti yang berlaku berdasarkan rajah di bawah, sila rujuk pada semua langkah-langkah yang telah disenaraikan di bawah.



Rajah 1.1

Untuk mendaftar akaun, langkah-langkah adalah seperti berikut:

**Langkah 1:** Klik butang **Log Masuk** pada halaman utama Portal 1MTC dan skrin utama ahli portal akan dipaparkan. Lihat Rajah 1.2 dan Rajah 1.3.



Rajah 1.2

Rajah 1.3

**Langkah 2:** Di ruangan pendaftaran, masukkan No Kad Pengenalan yang sah. Setelah selesai, sistem akan secara automatik menjana ID Pengguna menggunakan No Kad Pengenalan yang dimasukkan. Masukkan maklumat-maklumat mandatori yang lain (\*) seperti Nama Penuh, E-mel, Tarikh Lahir, Kata Laluan dan seterusnya. Lihat Rajah 1.4.

Rajah 1.4



**Langkah 3:** Untuk memilih kategori pengguna, klik pada butang "Drop Down Menu" yang tertera. Pilih kategori anda yang sah. Pengguna Agensi Kerajaan wajib memilih agensi yang diwakili berdasarkan senarai agensi yang disediakan. Klik **OK** pada paparan mesej. Lihat Rajah 1.5 dan Rajah 1.6.


The screenshot shows two overlapping windows. The left window is a search interface for facilities and courses. The right window is a user login screen. A red box highlights a dropdown menu under 'Kategori Pengguna' (User Category) which lists various government agencies. The dropdown menu includes: Agensi Kerajaan, Badan Berkurun, NGO, Persendirian, Swasta, and Warganegara Asing. The 'Agensi Kerajaan' option is selected.

**Rajah 1.5**



**Rajah 1.6**

**Langkah 4:** Untuk carian nama agensi lebih spesifik, masukkan nama agensi yang diwakili. Klik butang **Find** untuk meneruskan. Setelah memilih agensi yang betul, klik butang **OK**. Lihat Rajah 1.7



**Rajah 1.7**


**Langkah 5:** Pastikan semua maklumat diisi dengan betul, klik butang **Daftar** untuk meneruskan proses pendaftaran. Lihat Rajah 1.8.



The screenshot shows two main sections. On the left, there's a search interface for facilities and courses. On the right, a user is attempting to register with a new ID, but it fails because the ID already exists. The 'Daftar' button is highlighted with a red box.

**Rajah 1.8**

**Langkah 6:** Paparan mesej bagi verifikasi pendaftaran kali pertama akan dipaparkan. Klik  untuk melengkapkan proses pendaftaran. Lihat Rajah 1.9.




**Rajah 1.9**

**Langkah 7:** Selesai proses pendaftaran. Anda sekarang adalah ahli berdaftar portal 1MTC.

Mesej untuk verifikasi pendaftaran kali pertama akan dihantar ke e-mel pendaftar. Pendaftar perlu menyemak e-mel untuk verifikasi pendaftaran kali pertama. Sila lihat **Lampiran – No 1**.

**Langkah 8:** Klik pada pautan yang tertera bersama mesej yang telah dihantar ke e-mel.  
[http://app.1mtc.gov.my/forms/frmservlet?config=1mtc\\_first](http://app.1mtc.gov.my/forms/frmservlet?config=1mtc_first)

**Langkah 9:** Mesej pemberitahuan akan dipaparkan, klik butang  untuk meneruskan proses pengaktifan. Masukkan "ID Pengguna" dan "Kata Laluan" yang didaftarkan, setelah selesai klik butang . Pengaktifan berjaya dilakukan. Lihat Rajah 1.10 dan Rajah 1.11



**Rajah 1.10**



**Rajah 1.11**



## 2 LOGIN

### 2.0 Login Portal


Login Portal merupakan satu fungsi yang membolehkan pengguna yang berdaftar sahaja untuk log masuk kedalam 1MTC Portal. Untuk log masuk ke dalam 1MTC Portal, terdapat tiga pilihan cara yang boleh dilakukan oleh pengguna:

- Klik pada pautan verifikasi pertama yang telah dihantar ke e-mel selepas membuat pendaftaran.
- Klik pada butang **Log Masuk**  yang terdapat pada laman 1MTC ([www.1mtc.gov.my](http://www.1mtc.gov.my))
- Masukkan alamat URL berikut ke dalam ruangan URL pelayar internet anda:  
[http://app.1mtc.gov.my/formsfrmServlet?config=1mtc\\_portal](http://app.1mtc.gov.my/formsfrmServlet?config=1mtc_portal)

**Langkah 1:** Masukkan "ID Pengguna" dan "Kata Laluan" yang didaftarkan. Setelah selesai, klik butang


**Login**

. Halaman utama ahli portal akan dipaparkan. Lihat Rajah 2.1 dan Rajah 2.2.



The screenshot shows the 1MTC login page. On the left, there is a search bar for facilities and courses. On the right, there is a login form with fields for 'ID Pengguna' and 'Kata Laluan'. A red box highlights the 'Login' button. Below the login form, there is a registration link 'Tiada ID pengguna? Sila Daftar Akaun Disini.' and a registration form with various fields like 'Nama Lengkap', 'Tarikh Lahir', 'Alamat', etc. Red arrows point from numbered steps 1 through 5 on the left side of the page to their corresponding actions in the registration form.

Rajah 2.1



The screenshot shows the 1MTC homepage for registered users ('Ahli Portal'). It includes a 'Selamat Datang' message for ALISA AHMAD, GEMILANG PRESS SDN BHD. On the left, there is a 'Perunding Anda' section with a message list. On the right, there is a search bar for facilities and courses, similar to the one in Rajah 2.1. The search form includes fields for 'Jenis Fasiliti', 'Kapasi', 'Tarikh Mula', and 'Tarikh Tamat'.

Rajah 2.2



### 3 PROFIL ANDA

#### 3.0 Kemaskini Maklumat Peribadi Pengguna

Selepas pengguna mendaftar akaun di Portal 1MTC dan log masuk ke dalam Portal, pengguna boleh mengemaskini maklumat-maklumat peribadi mereka jika terdapat perubahan atau tambahan maklumat yang perlu mereka lakukan. Langkah-langkah di bawah merupakan cara-cara mengemaskini maklumat peribadi pengguna:


**Langkah 1:** Untuk mengemaskini maklumat peribadi, klik tab **Profil Anda** di halaman utama ahli portal. Setelah selesai mengemaskini maklumat peribadi klik butang **Simpan Rekod** dan mesej pemberitahuan bawaha rekod berjaya disimpan akan dipaparkan. Lihat Rajah 3.1, Rajah 3.2 dan Rajah 3.3.

The screenshot shows the 'Ahli Portal' dashboard. At the top, there is a header with the MAMPU logo and several tabs: 'Maklumat Tempahan Sedang', 'Profil Anda' (which is highlighted with a red box), 'Muat Naik Gambar', 'Tukar Kata Laluan', 'Refresh', and 'Log Keluar'. Below the header, there are several sections: 'Selamat Datang' (ALISA AHMAD, GEMILANG PRESS SDN BHD), 'Perundung Anda' (with 'Hantar Mesej' and 'Muat Semula' buttons), and a search bar for facilities ('Carian Teksi Bebas'). On the right, there are filters for 'Jenis Fasiliti' (dropdown), 'Kapasiti' (dropdown set to 'Orang'), 'Tarikh Mula' (dropdown), and 'Tarikh Tamat' (dropdown). A large central area is currently empty.

Rajah 3.1

The screenshot shows the 'Maklumat Peribadi Pengguna' form. It contains various input fields for personal information: Kategori Pengguna (Swasta), Agensi Kerajaan / Swasta / Syarikat (GEMILANG PRESS SDN BHD), Gred Jawatan (Marketing Executive), Name (ALISA AHMAD), No. KP (820602010506), Gelaran (Cik), Alamat E-mel (alisaahmad25@yahoo.com), No. Telefon Bimbit (0192990444), Tarikh Lahir (02-06-1982), Jantina (Perempuan), Negara (Malaysia), Alamat (No 16, Jalan 7, Selayang Segar), Bandar (BANDAR BARU SELAYANG), Poskod (68100), Negeri (Selangor), Bagaimana Anda Mengenali Kami? (dropdown), Catatan (text area), and Tarih Kemaskini (03-APR-2013). At the top right, there are 'Simpan Rekod' and 'Kembali' buttons, with 'Simpan Rekod' highlighted with a red box.

Rajah 3.2



Rajah 3.3




## 4 MUAT NAIK GAMBAR

### 4.0 Muat Naik Gambar

Selain mengemaskini maklumat peribadi, pengguna juga boleh memuat naik gambar mereka ke dalam Portal 1MTC bagi memudahkan identifikasi dan pengenalan. Hanya satu gambar pengguna boleh dimuat naik dalam satu-satu masa. Namun, pengguna boleh menukar gambar bila-bila masa dengan memuat naik gambar baru. Langkah-langkah di bawah merupakan cara-cara memuat naik gambar di Portal 1MTC:

**Langkah 1:** Untuk muat naik gambar klik tab **Muat Naik Gambar** pada halaman utama ahli portal. Skrin untuk muat naik gambar akan dipaparkan, untuk meneruskan proses muat naik gambar klik butang **Muat Naik Gambar**. Lihat Rajah 4.1 dan Rajah 4.2.




Rajah 4.1



Rajah 4.2

**Langkah 2:** Pilih gambar yang hendak dimuat naik dan klik butang **Open** tunggu sehingga proses muat naik gambar selesai, setelah selesai klik butang **Simpan**. Lihat Rajah 4.3, Rajah 4.4 dan Rajah 4.5.



Rajah 4.3



Rajah 4.4




Rajah 4.4

## 5 KATA LALUAN

### 5.0 Tukar Kata Laluan

Bagi pengguna yang ingin menukar kata laluan dengan kata laluan yang baru, mereka boleh menggunakan fungsi “Tukar Kata Laluan” yang terdapat di dalam halaman utama Portal 1MTC.

**Langkah 1:** Untuk menukar kata laluan klik tab **Tukar Kata Laluan** pada halaman utama ahli portal. Skrin untuk tukar kata laluan akan dipaparkan, untuk meneruskan proses masukkan “Kata Laluan Asal”, “Kata Laluan Baru” dan “Sahkan Kata Laluan Baru”. Setelah selesai klik butang **Tukar**. Lihat Rajah 5.1 dan Rajah 5.2.



Rajah 5.1



Rajah 5.2

**Langkah 2:** Mesej pemberitahuan bahawa kata laluan telah berjaya ditukar akan dipaparkan. Lihat Rajah 5.3.



**Rajah 5.3**

**Langkah 3:** Klik butang **Kembali** untuk kembali ke laman utama Portal 1MTC. Rujuk Rajah 5.4.




**Rajah 5.4**

## 6 LUPA KATA LALUAN

### 6.0 Mendapatkan Semula Kata Laluan

Sekiranya pengguna terlupa kata laluan yang telah dimasukkan semasa sesi pendaftaran akaun, mereka boleh menggunakan fungsi "Lupa Kata Laluan" yang terdapat di dalam Portal 1MTC. Fungsi ini membolehkan kata laluan pengguna dihantar ke e-mel pengguna lantas membolehkan mereka log masuk ke dalam Portal menggunakan kata laluan yang diberi. Langkah-langkah mendapatkan semula kata laluan adalah seperti di bawah:

**Langkah 1:** Jika anda lupa kata laluan, klik butang **Lupa Kata Laluan ?**. Masukkan alamat e-mel yang didaftarkan dan tekan butang **Hantar**. Kata laluan yang baru akan dihantar ke e-mel. Lihat Rajah 6.1 dan Rajah 6.2



**Rajah 6.1**



**Rajah 6.2**

**Langkah 2:** Sekiranya e-mel yang dimasukkan tidak betul, mesej pemberitahuan akan dipaparkan. Lihat Rajah 6.3



**Rajah 6.3**

**Langkah 3:** Sekiranya e-mel yang dimasukkan betul, mesej pemberitahuan bahawa kata laluan baru akan dihantar ke e-mel pengguna akan dipaparkan. Pengguna perlu memeriksa e-mel untuk kata laluan baru. Lihat Rajah 6.4.



**Rajah 6.4**

Mesej akan dihantar ke e-mel pemohon untuk memberitahu bahawa kata laluan baru telah dihantar ke e-mel pemohon . Lihat **Lampiran – No 2**.

## 7 PENCAPAIAN AKADEMIK

### 7.0 Tambah Atau Kemaskini Pencapaian Akademik

Di dalam Portal 1MTC, pengguna juga boleh menambah atau mengemaskini kelayakan akademik mereka di bahagian "Tambah/ Kemaskini Pencapaian Akademik". Kelayakan akademik yang dimasukkan oleh pengguna membolehkan moderator ILA melihat dan menilai kelayakan tersebut untuk sesuatu permohonan kursus. Langkah- langkah menambah atau mengemaskini pencapaian akademik adalah seperti berikut:

**Langkah 1:** Untuk menambah pencapaian akademik klik tab **Pencapaian Akademik**. Klik butang **Tambah / Kemaskini Pencapaian Akademik** dan masukkan pencapaian akademik yang pernah diambil. Setelah selesai klik butang **Simpan**. Klik butang **Kembali** untuk kembali ke halaman utama Portal 1MTC. Lihat Rajah 7.1 dan Rajah 7.2



The screenshot shows the 'Ahli Portal' interface. At the top, there are navigation links: Maklumat Tempahan Sedia Ada, Profil Anda, Muat Naik Gambar, Tukar Kata Leluan, Refresh, and Log Keluar. Below this is a menu bar with Cari Fasiliti, Cari Kursus, Senarai Kursus Yang Dipilih, Pencapaian Akademik (highlighted with a red box), and Galeri Multimedia. A sub-menu for 'Pencapaian Akademik' includes 'Tambah / Kemaskini Pencapaian Akademik'. The main content area displays a table with columns: Jenis Pencapaian, Pencapaian, Tahun, Gred, Keputusan Ramalan, and Sekolah. On the left, there's a sidebar for 'Perunding Anda' with 'Hantar Mesej' and 'Muat Semula' buttons, and a message list starting with 'Mesej dari Perunding Anda'.

Rajah 7.1

This screenshot shows the 'Pencapaian Akademik' form. At the top, it has fields for Kualifikasi (SPM), Tahun (2006), Pencapaian Gred (2), Ramalan Keputusan (Actual), and dropdowns for Nama Sekolah (BANDAR BARU AMPANG, SMK), Negara (MALAYSIA), Negeri (AMPANG), and Jenis Sekolah (HIGH SCHOOL). Below these, a statement 'ini adalah pencapaian tertinggi saya' has a checked checkbox. The main table, titled 'Pencapaian Subjek dan Gred', lists subjects and their grades: BAHASA ARAB TINGGI (Gred A+), BAHASA CINA (Gred A+), BAHASA INGGERIS (Gred A+), BAHASA INGGERIS UNTUK SAINS DAN TEKNOLOGI (Gred A+), BAHASA MELAYU (Gred A+), BAHASA PERANCIS (Gred A+), BAHASA PUNJABI (Gred A+), and BAHASA TAMIL (Gred A+). To the right, there's a section for 'Muat Naik Salinan Transkrip dan dokumen yang berkaitan' with 'Muat Naik' and 'Kemaskini' buttons, and a 'Simpan' button highlighted with a red box. There are also 'Muat Turun' buttons for each row of the table.

Rajah 7.2



## FASILITI

### 1 FASILITI

#### 1.0 Tempah Fasiliti

Sebelum tempahan dibuat, fasiliti hendaklah dicari terlebih dahulu menggunakan fungsi carian di ruangan carian samada **SEBELUM** pengguna log masuk ataupun **SELEPAS** pengguna log masuk ke dalam Portal 1MTC. Rajah 1.1 dan Rajah 1.2 adalah untuk makluman pemohon.

**MAKLUMAN**

Fasiliti yang ditawarkan tertakluk sama ada dibuka pada hujung minggu atau dibuka mengikut kategori pengguna seperti dibawah:

• Agensi Kerajaan	• Badan Berkanun
• Swasta	• NGO
• Persendirian	• Warganegara Asing

**MAKLUMAN**

Fasiliti yang ditawarkan adalah seperti berikut:

• Asrama	• Dewan
• Auditorium	• Kemudahan Sukan dan Rekreasi
• Bengkel	• Kenderaan
• Bilik Kuliah	• Lain – lain kemudahan
• Bilik Mesyuarat	• Makmal Komputer
• Bilik Seminar	

**Rajah 1.1**

**Rajah 1.2**

A) Langkah-langkah untuk membuat tempahan fasiliti **SEBELUM** pengguna log masuk kedalam Portal 1MTC adalah seperti berikut:

**Langkah 1:** Untuk mencari fasiliti yang ditawarkan, anda boleh mencari maklumat fasiliti dengan memasukkan kekunci carian seperti berikut:

- Carian Teks Bebas
- Jenis Fasiliti
- Kapasiti Orang
- Tarikh Mula
- Tarikh Tamat

**Langkah 2:** Masukkan kekunci pada ruangan carian teks bebas. Setelah memasukkan kekunci, klik butang **Cari**, untuk mengosongkan kekunci yang telah dimasukkan klik butang **Set Semula**. Skrin hasil carian akan dipaparkan, pada skrin ini anda boleh membuat carian dengan masukkan kekunci ataupun klik butang **>** untuk melihat maklumat fasiliti pada muka surat seterusnya. Lihat Rajah 1.3 dan Rajah 1.4.



The screenshot shows the search interface for facilities and courses. It includes fields for 'Carian Fasiliti' (Facility Search) and 'Carian Kursus' (Course Search). A red box highlights the search term 'Bilik Mesyuarat Utama'. Below the search bar are dropdowns for 'Jenis Fasiliti' (Facility Type), 'Kapasiti' (Capacity), 'Tarikh Mula' (Start Date), and 'Tarikh Tamat' (End Date). A red box highlights the 'Set Semua' (Reset All) button. To the right, there is a login form for new users with fields for 'ID Pengguna' (User ID), 'Kata Laluan' (Password), 'Login' (Login), and 'Lupa Kata Laluan?' (Forgot Password?). A red box highlights the 'Tiada ID pengguna? Sila Daftar Akaun Disini.' (No user ID? Please register an account here.) link.

Rajah 1.3

The screenshot shows the search results for facilities. It displays a table with 10 rows, each containing the facility name, location, type, capacity, and location. The first facility listed is 'AKADEMI AUDIT NEGARA' located in 'BILIK MESYUARAT UTAMA'. A red box highlights the 'Cari' (Search) button. To the right, a detailed view of the first facility is shown with fields for 'Keterangan Fasiliti' (Facility Description), 'Alamat' (Address), 'Nama Fasiliti' (Facility Name), 'Kapasiti' (Capacity), 'Akses Internet' (Internet Access), and 'Jenis Fasiliti' (Facility Type). Below this, there is a thumbnail image of the facility's interior and buttons for 'Pandangan Hadapan' (Front View), 'Gambar Sebelum' (Previous Image), and 'Gambar Selaras' (Next Image).

Rajah 1.4

**Langkah 3:** Untuk meneruskan tempahan fasiliti klik butang **[Tempah]**. Skrin untuk pengguna Log Masuk ke dalam Portal akan dipaparkan. Masukkan "ID Pengguna" dan "Kata Laluan" setelah selesai klik butang **[Login]**. Skrin tempahan fasiliti akan dipaparkan. Lihat Rajah 1.5, Rajah 1.6 dan Rajah 1.7.

The screenshot shows the search results for facilities, similar to Rajah 1.4. It displays a table with 10 rows, each containing the facility name, location, type, capacity, and location. The first facility listed is 'AKADEMI AUDIT NEGARA' located in 'BILIK MESYUARAT UTAMA'. A red box highlights the 'Tempah' (Book) button in the fourth column of the first row. To the right, a detailed view of the first facility is shown with fields for 'Keterangan Fasiliti' (Facility Description), 'Alamat' (Address), 'Nama Fasiliti' (Facility Name), 'Kapasiti' (Capacity), 'Akses Internet' (Internet Access), and 'Jenis Fasiliti' (Facility Type). Below this, there is a thumbnail image of the facility's interior and buttons for 'Pandangan Hadapan' (Front View), 'Gambar Sebelum' (Previous Image), and 'Gambar Selaras' (Next Image).

Rajah 1.5



Rajah 1.6

Rajah 1.7

**Langkah 4:** Langkah seterusnya adalah sama dengan penempahan fasiliti **SELEPAS** pengguna log masuk ke dalam portal 1MTC (Rujuk Langkah 4 penempahan fasiliti **SELEPAS** pengguna log masuk)

B) Langkah-langkah untuk membuat tempahan fasiliti **SELEPAS** pengguna log masuk kedalam Portal 1MTC adalah seperti berikut:

**Langkah 1:** Dihalaman utama Portal 1MTC, masukkan "ID Pengguna" dan "Kata Laluan" yang telah didaftarkan, klik butang **Login** untuk log masuk ke Portal. Skrin Utama Portal 1MTC akan dipaparkan. Lihat Rajah 1.8 dan Rajah 1.9

Rajah 1.8



**Ahli Portal**

Selamat Datang  
CEMPAKA AZLAN  
Arod

Perunding Anda

Hantar Mesej    Muat Semula

Mesej dari Perunding Anda

Carian Fasiliti    Carian Kursus    Senarai Kursus Yang Dipohon    Pencapaian Akademik    Galeri Multimedia

Carian Teks Bebas:  Cari

Contoh: Taip "Dewan Negeri Sembilan" untuk mencari fasiliti yang ada di Negeri Sembilan.  
Untuk carian lebih spesifik, isikan maklumat-maklumat dibawah.

Jenis Fasiliti:  Set Semula

Kapasiti:  Orang

Tarikh Mula:  #

Tarikh Tamat:  #

**Rajah 1.9**

**Langkah 2:** Klik tab **Carian Fasiliti** untuk membuat carian fasiliti. Masukkan kekunci pada ruangan carian teks bebas, jenis fasiliti dan kapasiti. Setelah memasukkan kekunci, klik butang **Cari**, untuk mengosongkan kekunci yang telah dimasukkan klik butang **Set Semula**. Skrin hasil carian akan dipaparkan. Lihat Rajah 1.10 dan Rajah 1.11

**Ahli Portal**

Selamat Datang  
CEMPAKA AZLAN  
Arod

Perunding Anda

Hantar Mesej    Muat Semula

Mesej dari Perunding Anda

Carian Fasiliti    Carian Kursus    Senarai Kursus Yang Dipohon    Pencapaian Akademik    Galeri Multimedia

Carian Teks Bebas: AKADEMI PENERBANGAN MALAYSIA (MAVA) Cari

Contoh: Taip "Dewan Negeri Sembilan" untuk mencari fasiliti yang ada di Negeri Sembilan.  
Untuk carian lebih spesifik, isikan maklumat-maklumat dibawah.

Jenis Fasiliti: Auditorium Set Semula

Kapasiti: 200 Orang

Tarikh Mula: #

Tarikh Tamat: #

**Rajah 1.10**

**Hasil Carian Fasiliti**

Jumlah Rekod Carian : 1

Bil.	ILR	Nama Fasiliti	Jenis Fasiliti	Kapasiti	Tempahan	Catatan
1	AKADEMI PENERBANGAN MALAYSIA (MAVA)	Auditorium Melur	Auditorium	200	Tempahan	

Keterangan Fasiliti:  
① Dilengkapi dengan 200 tempat duduk  
② Dilengkapi dengan PA sistem

Alamat:  
Akademi Penerbangan Malaysia (MAVA)  
Jabatan Penerbangan Awam  
Jalan Pelkelling 2  
60450 Sepang

Nama Fasiliti: Auditorium Melur  
Kapasiti: 200 Orang  
Akses Internet:   
Jenis Fasiliti: Auditorium

Pendangan Hadapan Auditorium

Gambar Sebelum    Gambar Selaras

Masukkan No. Mukasurat:  1 / 1

**Rajah 1.11**



**Langkah 3:** Untuk meneruskan tempahan fasiliti klik butang **Tempah**. Skrin Tempahan Fasiliti akan dipaparkan. Lihat Rajah 1.12 dan Rajah 1.13

**Hasil Carian Fasiliti**

Bil.	ILR	Nama Fasiliti	Jenis Fasiliti	Kapaciti	Tempah	Catatan
1	AKADEMI PENERBANGAN MALAYSIA (MAVA)	Auditorium Melur	Auditorium	200	<b>Tempah</b>	


**Keterangan Fasiliti**

- i) Dilengkapi dengan 200 tempat duduk
- ii) Dilengkapi dengan PA sistem

Alamat  
Akademi Penerangan Malaysia (MAVA)  
Jabatan Penerangan Awam  
Jalan Pekeling 2  
60450 Sepang

**Nama Fasiliti** Auditorium Melur  
**Kapaciti** 200 Orang  
**Akses Internet** ✓  
**Jenis Fasiliti** Auditorium

**Pandangan Hadapan Auditorium**



**Rajah 1.12**

**Tempahan Fasiliti**

**Butir-Butir Tempahan**

Tarikh	Hari	Masa Mula	Masa Tamat	Bilangan Jam	Jumlah Bayaran (RM)
#					
#					
#					
#					
#					
#					
#					

**Kadar Sewa**

Jam Mula	Jam Tamat	Bayaran Dikenakan Sejam (RM)	Harga Tetap (RM)
01	15		4,000.00

**Peralatan Sedia Ada**


Jenis Peralatan	Kuantiti
Alat Staraya (PA System)	2
Cordless Mic	4
Projektor (Auditorium)	1

**Kelengkapan Tambahan**

Peralatan	Harga Sewa (RM)	Kuantiti Diperlukan	Jumlah Bayaran (RM)

**Maklumat Fasiliti**

ILR: AKADEMI PENERBANGAN MALAYSIA (MAVA)  
Nama Fasiliti: Auditorium Melur  
Lokasi: Jabatan Penerangan Awam Malaysia No. 27 Persiaran Perda  
Keterangan Fasiliti:  
i) Dilengkapi dengan 200 tempat duduk  
ii) Dilengkapi dengan PA sistem  
Syarat Tempahan:  
i) Tempahan mestah dibuat 1bulan sebelum tarikh tempahan  
ii) Sila juga kebersihkan fasiliti ini  
iii) Sila pastikan semua kelengkapan yang dibutuhkan tersedia  
Syarat Pembatalan:  
i) Pembatalan hendaklah dibuat 5 hari sebelum tarikh tempahan bermula  
Kapaciti: 200 Orang  
Jenis Fasiliti: Auditorium  
Nama Penyelia: Syahrul  
E-mel Penyelia: syahrul@dvm.com.my  
No. Telefon Bimbit: 0198768989



**Rajah 1.13**

**Langkah 4:** Masukkan maklumat-maklumat yang diperlukan dan tujuan tempahan. Klik butang **#** untuk memilih tarikh tempahan fasiliti bermula dan berakhir. Rujuk pada Kadar Sewa untuk melihat Kadar sewa yang dikenakan bagi fasiliti yang ingin ditempah. Lihat Rajah 1.14



**Tempahan Fasiliti**

Tempahan Pada Tarikh 06-05-2013	Hingga 08-05-2013				
Masa Mula 09:00	Masa Tamat 17:30				
Status Tempahan Menunggu Kelulusan					
Tujuan Tempahan Membuat Kursus Barisan Hadapan					
Jumlah Bayaran (RM) .00 (A+B)					
<b>Kadar Sewa</b>					
Jam Mula	Jam Tamat	Bayaran Dikenakan Sejam (RM)	Harga Tetap (RM)		
.01	15		4,000.00		
<b>Butir-Butir Tempahan</b>					
Tarikh	Hari	Masa Mula	Masa Tamat	Bilangan Jam	Jumlah Bayaran (RM)
06-05-2013	Sabtu	09:00	17:30	8.50	4,000.00
07-05-2013	Selasa	09:00	17:30	8.50	4,000.00
08-05-2013	Rabu	09:00	17:30	8.50	4,000.00
Jumlah Bayaran (A) (RM)					
<b>Peralatan Sedia Ada</b>		<b>Kelengkapan Tambahan</b>			
Jenis Peralatan	Kuantiti	Peralatan	Harga Satuunit (RM)	Kuantiti Diperlukan	Jumlah Bayaran (RM)
Alat Siaraya (Pa System)	2				
Cordless Mic	4				
Projektor (Auditorium)	1				
Jumlah Bayaran (B) (RM)					
<b>Kira</b>					
Jumlah Bayaran (RM) .00 (A+B)					
<b>Maklumat Fasiliti</b>					
Imej Sebelum Imej Seterusnya					
IL AKADEMI PENERBANGAN MALAYSIA (MAVA)					
Nama Fasiliti Auditorium Melur					
Lokasi Jabatan Penerbangan Awam Malaysia No. 27, Persiaran Perdana					
Keterangan Fasiliti (i) Dilengkapi dengan 200 tempat duduk (ii) Dilengkapi dengan PA sistem					
Syarat Tempahan (i) Tempahan mestilah dibuat 1bulan sebelum tarikh tempahan (ii) Sila juga keberlihan fasiliti ini (iii) Sila pastikan semua kelengkapan yang dibutuhkan					
Syarat Pembatalan (i) Pembatalan hendaklah dibuat 5 hari sebelum tarikh tempahan bermula					
Kapasiti 200 Orang Buka Hujung Minggu					
Jenis Fasiliti Auditorium					
Nama Penyelia Syahrul					
E-mel Penyelia syahrul@dvm.com.my					
No. Telefon Bimbit 0196766969					

**Rajah 1.14**

**Langkah 5:** Klik butang **Kira** untuk melihat jumlah bayaran yang perlu dibayar bagi tempahan yang dibuat. Rujuk pada "Peralatan Sedia Ada" untuk mengetahui peralatan yang disediakan untuk fasiliti tersebut. Lihat Rajah 1.15

**Tempahan Fasiliti**

Tempahan Pada Tarikh 06-05-2013	Hingga 08-05-2013				
Masa Mula 09:00	Masa Tamat 17:30				
Status Tempahan Menunggu Kelulusan					
Tujuan Tempahan Membuat Kursus Barisan Hadapan					
Jumlah Bayaran (RM) 12,000.00 (A+B)					
<b>Kadar Sewa</b>					
Jam Mula	Jam Tamat	Bayaran Dikenakan Sejam (RM)	Harga Tetap (RM)		
.01	15		4,000.00		
<b>Butir-Butir Tempahan</b>					
Tarikh	Hari	Masa Mula	Masa Tamat	Bilangan Jam	Jumlah Bayaran (RM)
06-05-2013	Sabtu	09:00	17:30	8.50	4,000.00
07-05-2013	Selasa	09:00	17:30	8.50	4,000.00
08-05-2013	Rabu	09:00	17:30	8.50	4,000.00
Jumlah Bayaran (A) (RM) 12,000.00					
<b>Peralatan Sedia Ada</b>		<b>Kelengkapan Tambahan</b>			
Jenis Peralatan	Kuantiti	Peralatan	Harga Satuunit (RM)	Kuantiti Diperlukan	Jumlah Bayaran (RM)
Alat Siaraya (Pa System)	2				
Cordless Mic	4				
Projektor (Auditorium)	1				
Jumlah Bayaran (B) (RM)					
<b>Kira</b>					
Jumlah Bayaran (RM) 12,000.00 (A+B)					
<b>Maklumat Fasiliti</b>					
Imej Sebelum Imej Seterusnya					
IL AKADEMI PENERBANGAN MALAYSIA (MAVA)					
Nama Fasiliti Auditorium Melur					
Lokasi Jabatan Penerbangan Awam Malaysia No. 27, Persiaran Perdana					
Keterangan Fasiliti (i) Dilengkapi dengan 200 tempat duduk (ii) Dilengkapi dengan PA sistem					
Syarat Tempahan (i) Tempahan mestilah dibuat 1bulan sebelum tarikh tempahan (ii) Sila juga keberlihan fasiliti ini (iii) Sila pastikan semua kelengkapan yang dibutuhkan					
Syarat Pembatalan (i) Pembatalan hendaklah dibuat 5 hari sebelum tarikh tempahan bermula					
Kapasiti 200 Orang Buka Hujung Minggu					
Jenis Fasiliti Auditorium					
Nama Penyelia Syahrul					
E-mel Penyelia syahrul@dvm.com.my					
No. Telefon Bimbit 0196766969					


**Rajah 1.15**

Fungsi-fungsi butang:

- Butang untuk melihat maklumat tempahan fasiliti
- Butang untuk menghapuskan tarikh bagi tempahan fasiliti.



**Langkah 6:** Klik butang untuk melihat kelengkapan tambahan yang disediakan oleh ILA untuk fasiliti ini. Skrin jenis peralatan akan dipaparkan, pilih dan klik butang sekiranya anda ingin menambah kelengkapan yang disediakan. Masukkan kuantiti yang diperlukan di ruangan yang kuantiti, setelah selesai klik butang untuk melihat jumlah bayaran yang baru. Untuk meneruskan tempahan klik butang untuk menempah fasiliti. Lihat Rajah 1.16 dan Rajah 1.17



**Rajah 1.16**

**Rajah 1.17**

Tempahan berjaya dilakukan, mesej pemberitahuan bahawa tempahan berjaya dibuat akan dihantar ke e-mel pemohon dan juga moderator ILA. Lihat **Lampiran – No. 3 & No. 4**.

## 2 MAKLUMAT SEDIA ADA

### 2.0 Melihat Maklumat Tempahan

Di Portal 1MTC, pemohon juga boleh melihat semula tempahan fasiliti yang telah ditempati. Langkah-langkah untuk melihat tempahan sedia ada adalah seperti berikut:

**Langkah 1:** Untuk melihat semua tempahan yang pernah dibuat, klik butang . Skrin maklumat tempahan sedia ada akan dipaparkan. Lihat Rajah 2.1 dan Rajah 2.2.



**Ahli Portal**

Selamat Datang  
ALISA AHMAD  
DEMILANG PRESS SDN BHD

Maklumat Tempahan Sedia Ada

Carian Fasiliti Carian Kursus Senarai Kursus Yang Dipilih Pencapaian Akademik Galeri Multimedia

Carian Tekst Bebas Cari

Contoh: Tap "Dewan Negeri Sembilan" untuk mencari fasiliti yang ada di Negeri Sembilan.  
Untuk carian lebih spesifik, isikan maklumat-maklumat dibawah.

Jenis Fasiliti: Kapasiti: Orang

Tarikh Mula: # Tarikh Tamat: #

Hantar Mesej Must Semua Mesej dari Perunding Anda

Rajah 2.1

**Maklumat Tempahan Sedia Ada**

Mencetak Rekod Tempahan Kembali

No. Tempahan	Tarikh Mula	Tarikh Tamat	Jumlah Caj (RM)	Status	Mencetak Sebutaharga	Nombor Invois	Mencetak Invois	Nombor Rekst	Mencetak Rest	Bayar Secara Online	Borang Penilaian
89675	14-05-2013	15-05-2013	601.00	batalkan Oleh Pemohon	Cetak	20130407000156	Cetak		Cetak	Batalkan	Bayar
89520	25-04-2013	25-04-2013	99.00	batalkan Oleh Pemohon	Cetak	20130403000113	Cetak		Cetak	Batalkan	Bayar
89912	25-04-2013	26-04-2013	601.00	Menunggu Kelulusan	Cetak		Cetak		Cetak	Batalkan	Bayar
89852	22-04-2013	23-04-2013	601.00	Tidak Lulus	Cetak		Cetak		Cetak	Batalkan	Bayar
89522	17-04-2013	17-04-2013	99.00	Diluluskan	Cetak	20130403000114	Cetak		Cetak	Batalkan	Bayar
89742	15-04-2013	15-04-2013	300.00	Dibatalkan	Cetak	20130409000186	Cetak		Cetak	Batalkan	Bayar
89625	08-04-2013	08-04-2013	3,000.00	Diluluskan	Cetak	20130405000143	Cetak	1304051413030239	Cetak	Batalkan	Bayar
89540	08-04-2013	08-04-2013	5,500.00	Diluluskan	Cetak	20130404000133	Cetak		Cetak	Batalkan	Bayar
89516	05-04-2013	05-04-2013	99.00	batalkan Oleh Pemohon	Cetak	20130403000110	Cetak		Cetak	Batalkan	Bayar
89542	05-04-2013	05-04-2013	3,000.00	Diluluskan	Cetak	20130404000137	Cetak		Cetak	Batalkan	Bayar

**Maklumat Fasiliti**

ILA AKADEMIKASTAM DIRAJA MALAYSIA MELAKA

Nama Fasiliti: BILIK MESYUARAT UTAMA

Keterangan Fasiliti: BILIK MESYUARAT ESKLUSIF BERMAWA DINGIN DAN DILENGKAP 1 PROJEKTOR

Syarat Pembatalan: BERBASARKAN KEPERLUAN DALAMAN YANG DIARAHKAN SECARA SERTA-MERTA

Lokasi: BANGUNAN AKADEMIK

Kapasiti: 60 Orang

Jenis Bilik: Bilik Mesyuarat

Pandangan Hadapan

Gambar Sebelum Gambar Selurus

**Maklumat Tempahan**

